



**KEMATIAN DALAM KARYA TERPILIH  
SHAHNON AHMAD**

**ROSLAN BIN CHIN**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
(PENDIDIKAN KESUSASTERAAAN MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA & KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2017**





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kes kematian watak pemimpin, menganalisis unsur alam yang mengazab seksa dan mengiringi kematian watak pemimpin, dan meneliti kreativiti alam di luar syahadah yang dikemukakan oleh Shahnnon Ahmad dalam karya-karyanya. Kajian dijalankan berasaskan konsep teoritikal kod budaya dan kod simbolik yang dikemukakan oleh Barthes, dan teori al-Nur oleh Al-Ghazali bagi menganalisis aspek kematian dalam tiga buah karya Shahnnon Ahmad iaitu *Patriarch*, *SHIT*, dan *Pararuhi*. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian isi kandungan. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis perbandingan, melibatkan kombinasi koleksi data dengan rujukan Al-Quran, hadis, sirah atau sejarah. Analisis data dikuatkan dengan hujah berdasarkan perspektif Islam bagi menjelaskan dan menghuraikan kod budaya dan kod simbolik yang terangkum dalam konsep semiotik. Hasil penyelidikan mendapati watak yang dimatikan terbahagi kepada dua iaitu watak pemimpin yang kematiannya dikurniakan kesejahteraan, dan kedua watak pemimpin yang kematiannya sebagai satu hukuman atau azab seksa. Unsur alam yang mengiringi kematian terbahagi kepada dua. Pertama, unsur alam mengiringi kematian sebagai malapetaka dan kedua, unsur alam mengiringi kematian dengan keredhaan dan kesejahteraan. Manakala dari unsur kehidupan alam di luar syahadah, roh orang munafiq dan kafir dihina, diherdik di langit, dan roh para mukmin dialu-alukan serta disambut dengan sejahtera oleh para malaikat. Kajian ini memberikan implikasi ke atas kualiti penulisan karya sastera bagi mengungkapkan aspek kematian dalam penulisan kreatif dengan menemukan Model Pemikiran Kematian Penulisan Kreatif Shahnnon Ahmad. Kajian ini telah menyumbang atau membantu khalayak pembaca memahami pemikiran tentang kematian dalam karya-karya sastera khususnya karya-karya Shahnnon Ahmad.





## DEATH IN SELECTED WORKS BY SHAHNON AHMAD

### ABSTRACT

The aim of this study is to identify the case of the leader's death, analyze the elements of nature that punishes torture and death accompanying the lead character, and creativity examines the nature of outside testimony as presented by Shannon Ahmad in his works. The study was conducted based on the theoretical concept using a cultural code and symbolic code presented by Barthes, and the theory of al-Nur Al-Ghazali to analyze aspects of death in the three works of *Patriarch*, *SHIT*, and *Pararuhi* by Shahnnon Ahmad. This qualitative study uses the content as the research design. Data were analyzed using methods of comparative analysis, involving a combination of data collection with reference to the Quran, hadith, and seerah of the Prophet. Analysis of data were strongly supported by arguments based on Islamic perspective to explain and describe the cultural code and symbolic code embodied in the concept of semiotics. Research has found that a disabled character is divided into two, namely, the lead character conferred with well-being, and the other as a leader whose death is looked upon as punishment. Natural elements that accompany death are divided into two; firstly, the elements of nature accompany death as a catastrophe and secondly the element of nature accompany death with pleasure and well-being. While from the aspect of natural life outside testimony, the spirit of the hypocrites and despised disbelievers are ridiculed in the sky on the other hand, the spirits of the believers are welcomed and greeted by angels. The study provides implications on the quality of literary works expressing the aspects of death in creative writing from *Model Pemikiran Kematian Penulisan Kreatif Shahnnon Ahmad*. This study has contributed or assisted readers to understand the thoughts about death in literature, especially in the works of Shahnnon Ahmad.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

|                       |     |
|-----------------------|-----|
| <b>PENGAKUAN</b>      | ii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>    | iii |
| <b>ABSTRAK</b>        | iv  |
| <b>ABSTRACT</b>       | v   |
| <b>KANDUNGAN</b>      | vi  |
| <b>SENARAI JADUAL</b> | xi  |
| <b>SENARAI RAJAH</b>  | xii |



### **BAB 1 PENGENALAN**



|                                 |    |
|---------------------------------|----|
| 1.1 Pendahuluan                 | 1  |
| 1.2 Latar Belakang Kajian       | 5  |
| 1.3 Permasalahan Kajian         | 7  |
| 1.4 Kepentingan Kajian          | 17 |
| 1.5 Objektif kajian             | 18 |
| 1.6 Soalan Kajian               | 18 |
| 1.7 Kerangka Teori              | 19 |
| 1.8 Batasan Kajian              | 22 |
| 1.9 Definisi Istilah dan Konsep | 23 |
| 1.9.1 Kematian                  | 24 |



|                       |    |
|-----------------------|----|
| 1.9.2 Pemimpin        | 24 |
| 1.9.3 Unsur Alam      | 32 |
| 1.9.4 Alam Syahadah   | 39 |
| 1.9.5 Azab            | 39 |
| 1.9.6 Simbolik Islam  | 42 |
| 1.9.7 Budaya          | 43 |
| 1.10 Organisasi Tesis | 45 |
| 1.11 Kesimpulan       | 47 |

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

|                                                 |    |
|-------------------------------------------------|----|
| 2.1 Pengenalan                                  | 48 |
| 2.2 Kajian Lepas Berkaitan Kematian             | 49 |
| 2.3 Kajian Lepas Berkaitan Karya Shahnnon Ahmad | 55 |
| 2.4 Kesimpulan                                  | 67 |

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|                                 |    |
|---------------------------------|----|
| 3.1 Pengenalan                  | 69 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian          | 70 |
| 3.2.1 Prosedur Pengumpulan Data | 71 |
| 3.2.2 Data dan Sumber Data      | 72 |
| 3.2.3 Kaedah Analisis Data      | 73 |
| 3.3 Teori Budaya                | 76 |



|     |                                                                                                                                |     |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 3.4 | Kod Budaya dan Kod Simbolik                                                                                                    | 81  |
| 3.5 | Teori Simbolik Al-Nur                                                                                                          | 92  |
| 3.6 | Kod Budaya dan Kod Simbolik dalam Hubungannya dengan Teori Simbolisme Al-Nur oleh Ahmad Kamal Abdullah Bersumberkan Al-Ghazali | 98  |
| 3.7 | Kesimpulan                                                                                                                     | 111 |

#### **BAB 4 HAKIKAT KEMATIAN** 112

|         |                                         |     |
|---------|-----------------------------------------|-----|
| 4.1     | Pengenalan                              | 112 |
| 4.2     | Hakikat Kejadian Manusia                | 113 |
| 4.3     | Justifikasi Kematian                    | 122 |
| 4.3.1   | Hakikat Kematian                        | 123 |
| 4.3.2   | Kematian dari Perspektif Islam          | 125 |
| 4.3.3   | Sakaratulmaut                           | 130 |
| 4.3.3.1 | Sakaratulmaut Orang-Orang Zalim         | 131 |
| 4.3.3.2 | Sakaratulmaut Bagi Orang-Orang Bertaqwa | 135 |
| 4.3.4   | Kehidupan dan Kematian                  | 137 |
| 4.3.5   | Tanda Kematian                          | 139 |
| 4.3.6   | Roh                                     | 141 |
| 4.4     | Kesimpulan                              | 149 |

#### **BAB 5 ANALISIS & PERBINCANGAN**

|     |            |     |
|-----|------------|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 150 |
|-----|------------|-----|

|         |                                                                                                                                                                        |     |
|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.2     | Soalan kajian 1: Apakah kasus kematian watak-watak pemimpin dalam karya-karya Shahnnon Ahmad ?                                                                         | 152 |
| 5.2.1   | Kematian Watak Pemimpin                                                                                                                                                | 163 |
| 5.2.1.1 | Seorang Pemimpin yang Mengikut dan Mengamalkan Kepimpinan Rasulullah SAW                                                                                               | 165 |
| 5.2.1.2 | Kepimpinan yang Zalim                                                                                                                                                  | 172 |
| 5.2.1.3 | Sikap Buruk Pemimpin                                                                                                                                                   | 190 |
| 5.2.1.4 | Meninggi Diri, Angkuh dan Incarnasistik                                                                                                                                | 192 |
| 5.2.1.5 | Fenomena Resah dan Gelisah                                                                                                                                             | 199 |
| 5.2.1.6 | Kebencian Rakyat                                                                                                                                                       | 206 |
| 5.2.2   | Analisis Kasus Kematian Watak Pemimpin                                                                                                                                 | 211 |
| 5.3     | Soalan kajian 2: Bagaimanakah unsur alam digunakan bagi menyeksa watak pemimpin dan mengiringi kematian watak pemimpin dalam karya-karya Shahnnon Ahmad?               | 214 |
| 5.3.1   | Unsur Alam Mengazab Seksa Watak Pemimpin dalam Novel <i>Patriarch</i>                                                                                                  | 216 |
| 5.3.2   | Unsur Alam Mengazab Seksa Watak Pemimpin dalam Novel <i>SHIT</i>                                                                                                       | 229 |
| 5.3.3   | Unsur Alam Mengiringi Kematian dalam Novel <i>Pararuhi</i>                                                                                                             | 234 |
| 5.3.3.1 | Unsur Alam Mengiringi Kematian Pemimpin Mukmin                                                                                                                         | 235 |
| 5.3.3.2 | Unsur Alam Mengiringi Kematian Pemimpin Munafik                                                                                                                        | 238 |
| 5.4     | Soalan kajian 3: Sejauhmanakah kreativiti alam di luar syahadah dan hubungan dengan kematian watak pemimpin yang dikemukakan oleh Shahnnon Ahmad dalam karya-karyanya? | 240 |
| 5.4.1   | Kematian Watak Pemimpin dan Hubungannya dengan Alam di Luar Syahadah dalam <i>Pararuhi</i>                                                                             | 243 |

|                                   |     |
|-----------------------------------|-----|
| 5.4.1.1 Kematian Pemimpin Mukmin  | 244 |
| 5.4.1.2 Kematian Pemimpin Kafir   | 252 |
| 5.4.1.3 Kematian Pemimpin Munafik | 262 |
| 5.5 Kesimpulan                    | 271 |

## **BAB 6 PENUTUP**

|                                                                            |     |
|----------------------------------------------------------------------------|-----|
| 6.1 Pengenalan                                                             | 272 |
| 6.2 Perbincangan Analisis Kajian                                           | 273 |
| 6.2.1 Kematian Watak Pemimpin                                              | 274 |
| 6.2.2 Unsur Alam yang Mengazab dan Mengiringi Kematian Watak Pemimpin      | 278 |
| 6.2.3 Kematian Watak Pemimpin dan Hubungannya dengan Alam di Luar Syahadah | 281 |
| 6.3 Implikasi Dapatan Kajian                                               | 283 |
| 6.4 Saranan Kajian Lanjutan                                                | 291 |
| 6.5 Kesimpulan                                                             | 292 |

|                |     |
|----------------|-----|
| <b>RUJUKAN</b> | 294 |
|----------------|-----|

|                 |     |
|-----------------|-----|
| <b>LAMPIRAN</b> | 313 |
|-----------------|-----|

## SENARAI JADUAL

### No. Jadual

### Muka Surat

5.1 Kasus kematian watak pemimpin

212



## SENARAI RAJAH

### No. Rajah

### Muka Surat

|     |                                                           |     |
|-----|-----------------------------------------------------------|-----|
| 1.0 | Kerangka teori kajian kematian dalam karya Shahnnon Ahmad | 20  |
| 3.1 | Konsep konotasi Barthes                                   | 84  |
| 3.2 | Konsep penanda (Pn) dan petanda (Pt)                      | 85  |
| 3.3 | Pembentukan kod ekstra-linguistik                         | 86  |
| 3.4 | Contoh fungsi “kod”                                       | 87  |
| 6.1 | Model Pemikiran Kematian Penulisan Kreatif Shahnnon Ahmad | 285 |





## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pendahuluan

Setiap manusia mengakhiri hidupnya di dunia ini dengan kematian. Menurut Natale (2014), mati adalah sebagai suatu tanda terhadap sifat manusia dan kematian telah ditentukan kepada manusia sebagai makhluk. Kematian tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan dan kematian adalah takdir yang pasti kepada manusia. Terdapat dua makna terkandung dalam pernyataan tersebut bahawa manusia sentiasa terdedah kepada kematian dan bahawa manusia akhirnya perlu menempuh kematian.

Bagaimana kematian itu berlaku adalah pelbagai caranya. Kematian terjadi kerana proses alamiah atau kematian terjadi secara mengejut, dan juga kematian secara bantuan





(dalam perubatan atau hukuman). Secara biologinya, kematian ditakrifkan sebagai berhentinya semua fungsi vital tubuh meliputi detik jantung, aktiviti otak serta pernafasan (Suhailey Mohd Noor, 2013). Melalui pelbagai cara terjadinya kematian, maka memunculkan ilmu pengetahuan dan pengalaman kepada manusia yang hidup di alam dunia ini. Maka ilmu pengetahuanlah yang membezakan tanggapan tentang kematian. Realitinya, kematian merupakan saat yang tidak boleh ditolak dan dihindari oleh manusia yang bernyawa. Menurut Ahmad Adnan (2006: 6), “Kematian merupakan takdir yang telah ditetapkan oleh Allah ke atas semua makhluk-Nya. Apabila tiba ajal, tiada sesiapa yang dapat mengelak daripada menempuh kematian.” Allah menjelaskan dalam firman-Nya (Ali-‘Imran [3] 185):

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ



Terjemahan:

*Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati.*

Juga diberi peringatan oleh Allah di dalam firman-Nya (An-Nahl [16] 61):

فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ

Terjemahannya:

*Maka apabila sampai tempoh ajal mereka, tiadalah mereka akan dapat meminta dikemudiankan walau sesaat dan tidak pula mereka akan dapat meminta didahulukan.*



Allah menjelaskan kepada umat manusia bahawa tiada sesiapa dapat lari daripada kematian seperti mana dalam firman-Nya:

قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلْقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ  
إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ  
(Al-Jumaah [62]: 8)

Terjemahan:

*Katakanlah, “Sesungguhnya kematian yang kamu lari daripadanya, ia pasti menemui kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada (Allah), yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia beritakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan.”*

Merujuk firman Allah yang dikemukakan di atas, jelaslah bahawa kematian merupakan satu hakikat yang tetap akan berlaku dan akan dihadapi oleh semua makhluk Allah. Firman Allah (Al-Munafiqun [63]: 11):

وَلَنْ يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجْلُهَا ۚ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Terjemahan:

*Dan Allah tidak menunda (kematian) seseorang apabila waktu kematiannya telah datang. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.*

Kematian dalam konteks aqidah umat Islam ialah perpisahan antara roh dengan jasad (Harun Din, 2010). Jasad akan hancur dan roh akan kekal untuk hidup di alam barzakh, sama ada hidup dalam penuh kesejahteraan dan kenikmatan atau kesiksaan

mengikut amalan yang dikerjakan semasa hidup di dunia (Imam Habib Abdullah Haddad (1998). Kemudian pada hari akhirat kelak Allah akan menyatukan semula antara jasad yang telah hancur dengan roh sebagaimana firman Allah (At-Takwir [81] 7):

وَإِذَا النُّفُوسُ زُوِّجَتْ

Terjemahan:

*Dan apabila tiap-tiap diri (roh) disatukan dengan pasangannya (jasad).*

Sebelum berlaku perpisahan antara roh dan jasad, iaitu orang yang didatangi kematian akan merasai pelbagai macam kesulitan dalam keadaan yang begitu tenat yang diistilahkan sebagai sakaratulmaut. Menurut Ahmad Adnan (2006: 14), “sakaratulmaut ialah kepayahan dan kesengsaraan yang mencengkam manusia dan menguasai akalanya ketika ia hampir mati.” Sakaratulmaut dari segi ciri-ciri fizikalnya, (Harun Din, 2010: 207), “orangnya tidak sedar lagi, refleksi atau pantulan mata tidak ada lagi, penafasannya putus-putus, gerak nadinya tidak terasa lagi, tetapi ia masih dapat diraba pada pembuluh darah di leher. Manakala mati secara fizikalnya, jantung dan pernafasannya berhenti sama sekali.”

Berdasarkan keterangan di atas, maka penyelidikan ini, akan mengenal pasti sebab-musabab kematian watak-watak pemimpin atau watak yang berkuasa, menganalisis unsur alam yang mengazab dan mengiringi kematian watak pemimpin, dan



akhir sekali menganalisis hubungan kematian watak pemimpin dan alam di luar syahadah yang dikreatifkan oleh Shahnnon Ahmad dalam novel-novelnya.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Realitinya, kehidupan dan kematian wujud dalam suatu alam yang berterusan. Sesungguhnya kematian merupakan tujuan sebenar kepada kehidupan. Dari perspektif Islam, fungsi bagi kehidupan adalah untuk menyucikan diri, zahir dan batin sebelum menemui kematian (Harun Din, 2010). Falsafah dalam fasa kehidupan manusia yang terangkum dalam karya-karya kesusasteraan amat banyak membicarakan tentang hal-hal keagamaan dan ketuhanan. Sering ditemui pengkarya sama ada dalam cerpen, novel, drama bahkan dalam filem sekalipun, tidak dapat lari daripada membicarakan dan melampiaskan tentang falsafah kehidupan, kematian dan cinta yang dilalui dengan pelbagai fenomena, baik dalam ketenangan dan kedamaian atau kesedihan dan penderitaan.

Dalam konteks pembinaan struktur novel mahupun karya-karya lain, kematian merupakan aspek yang sangat penting. Persoalannya bagaimana hendak diungkapkannya? Bagaimana teknik yang harus digunakan untuk mengungkapkannya? Adakah pengungkapan kematian sebagai suatu tema, sebagai hanya kenyataan dalam cerita atau peristiwa atau hanya sebagai pandangan watak-wataknya sahaja? Ada genre sastera yang mengungkapkan dengan mengaitkan kasus kematian itu sendiri. Malah





dalam genre kanak-kanak seperti filem kartun, fenomena kematian dan kehancuran diungkapkan dengan mudah seperti main-main dan malah seperti sesuatu yang melucukan. Malah dalam genre sastera dan filem juga dimuatkan ritual tentang kematian dengan diungkapkan seperti mana yang berlaku dalam kehidupan masyarakat budaya sesuatu tempat. Dalam penyelidikan ini kematian pemimpin dibicarakan dengan kasus kehidupan pemimpin itu sendiri ketika di dunia.

Daripada penelitian pengkaji, kematian dalam karya-karya kreatif Shahnnon Ahmad melibatkan watak-watak utama seperti watak pemimpin, watak petani, watak wanita, watak ibu, watak ayah, watak orang alim, watak orang Islam, watak munafik, watak kafir, watak kanak-kanak, dan sebagainya. Kaedah atau teknik watak dimatikan adalah pelbagai cara dan sebab. Terdapat yang dinaratifkan penuh dengan keseksaan dan ada yang dimatikan dengan kesejahteraan yang diiringi unsur alam sebagai fenomena yang dilukiskan oleh Shahnnon Ahmad. Dalam naratifnya, kematian watak-watak utama amat dominan berbanding dengan pengarang-pengarang lain dalam genre sastera Melayu di negara ini. Kematian juga terserlah dalam karya-karyanya akhir-akhir ini khususnya dalam “period kepencarobaan dan kemuhasabahan” (Mohd. Yusof Hasan, 2009).

Penyelidikan ini bertitik tolak daripada “kematian” yang menjadi satu fenomena yang amat menyerlah dalam karya-karya kreatif Shahnnon Ahmad. Kecenderungan Shahnnon Ahmad terhadap penulisan yang terarah kepada “Sastera Islam” bermula pada era 1970-an lagi. Kecondongan ke arah kesusasteraan Islam bermula daripada satu gagasan “Sastera Islam,” dengan memulakan teori sastera sebagai satu ibadah untuk





Allah. Sejak itu banyaklah esei berkaitan teori dan konsep Sastera Islam yang ditulis oleh Shahnon Ahmad seperti *Seni Kerana Allah Untuk Manusia Saja yang Benar* (1977), *Sastera Melayu dan Islam* (1978), *Nilai Imajinasi Menurut Islam* (1979), *Penerapan Islam Melalui Kreatif* (1979), *Islam dan Cabaran Pembangunan* (1981), *Sastera Islam* (1983), *Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Suatu Ibadat* (1983), *Sastera Islam Berteraskan Pandangan Hidup Islam* (1983), dan *Sastera Islam: Antara Dalam Diri dengan Luar Diri* (1983), (Mohd. Yusof Hasan, 1995:xii). Dengan pemikiran beliau ke arah teori dan konsep kesusasteraan Islam, maka tidak hairanlah karya-karya beliau begitu dominan dengan mesej “kematian” kepada khalayak pembaca.



### 1.3 Permasalahan Kajian



Berfikir dan kesedaran tentang kematian mendorong manusia pada sebuah refleksi transendental, yakni kesedaran akan keniscayaan dan kesementaraan kematian (Hick, 2007). Lantas memikirkan kematian itulah, membuatkan seseorang menjadi manusiawi. Kematian merupakan kepastian. Tidak seorang pun dapat menghindar dan melepaskan diri dari cengkamannya. Firman Allah (Al-Jum’ah [62]: 8) “Katakanlah (Wahai Muhammad): sebenarnya maut yang kamu melarikan diri daripadanya itu, tetaplah ia akan menemui kamu; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, lalu ia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah lakukan (serta membalasnya).





Fenomena kematian merupakan kenyataan yang menyergap secara tiba-tiba dan membata, sehingga manusia tidak mampu mengawalinya. Kedatangannya tidak mampu diperhitungkan dan sangat mengejutkan manusia yang sedang merencanakan kehidupannya. Setiap insan pasti menyadari bahawa kematian adalah keniscayaan. Walaupun demikian, sebahagian manusia tidak suka, bahkan sangat takut pada kematian. Kematian dibayangkan sebagai peristiwa yang amat tragis dan mengerikan. Imam Ghazali dalam Komaruddin Hidayat (2012) menjelaskan beberapa alasan mengapa manusia takut terhadap kematian, iaitu (a) ingin bersenang-senang dan menikmati hidup ini lebih lama lagi. (b) tidak bersedia untuk berpisah dengan orang-orang yang dicintai, termasuk harta dan kekayaannya yang selama ini dikumpulkannya. (c) tidak tahu kedudukan diri selepas mati. (d) takut pada dosa-dosa yang telah dilakukan selama hidup



Kematian kerap kali menjadi dramatis, apalagi kalau peristiwa itu melibatkan diri kita, orang yang kita cintai, orang yang sangat kita perlukan, orang yang mempengaruhi atau menentukan jalur hidup kita. Manusia takut karena ia tidak pernah ingat kematian dan tidak mempersiapkan diri dengan baik dalam menyambut kehadirannya. Manusia biasanya ingat kematian hanya kalau tiba-tiba ada jenazah berada dihadapannya. Seketika itu, muslim akan membaca *istirja'*: *Inna lillahi wa inna ilaihi raji'un*. Namun, *istirja'* yang dibaca itu bagi sebahagian orang hanyalah di mulut sahaja, karena tidak secara benar-benar ingin kembali kepada Allah dengan ibadah dan amal saleh. Arif Supriono (2006), agar tidak alergi dan fobia dengan kematian, manusia harus sering mengingat kematian sebagaimana sabda Rasulullah SAW, “Perbanyaklah olehmu mengingat





kematian, si penghancur segala kesenangan duniawi.” Sedar akan kematian sebagai sesuatu yang pasti, tetapi kematian tetap menyimpan misteri yang tetap tanda soal bagi manusia. Berbagai-bagai wajah kematian tampil dalam pengalaman manusia yang tetap mendorong pelbagai persoalan. Apa itu mati? Apa ertinya bagi manusia? Apakah kematian bermakna tidak ada lagi kehidupan? Ataupun kematian menyiratkan sebuah kehidupan baru? Di sini sampailah kita pada persoalan ilmu dan keyakinan yang serius tentang kematian. Apakah hal demikian yang diuraikan di atas merupakan persoalan bagi Shahnnon Ahmad yang didapati sering menaratifkan kematian dalam karya-karyanya untuk ditatap oleh khalayak pembaca supaya mengingat kepada kematian?



Dalam konteks kesusasteraan, kasus kematian tertentu dinaratifkan melalui beberapa klasifikasi, dan diungkapkan dalam konteks pembinaan struktur semua genre sastera. Karya-karya Shahnnon Ahmad dilihat amat dominan dalam aspek kematian watak-watak utama yang merupakan manusia yang berkuasa. Fokus dalam penyelidikan ini ialah kematian watak pemimpin atau watak yang diberi kuasa dalam sesuatu pemerintahan. Shahnnon sentiasa atau sering berbalik kepada kematian. Namun permasalahan dalam kajian ini diteliti terlebih dahulu melalui kasus yang membawa kepada kematian. Pelbagai konflik dinaratifkan oleh Shahnnon Ahmad dalam karya-karya kreatifnya seperti kezaliman pemimpin, ancaman kemiskinan, kerosakan budaya, dan sebagainya. Pelbagai peristiwa tersebut dihubungkan dengan konflik yang berakhir dengan sakaratulmaut, merupakan penelitian dalam kajian ini.





Kematian yang dimaksudkan ialah terpisahnya roh daripada jasad. Semua manusia akan menempuh kematian seperti mana yang disebut dalam surah Ali-‘Imran (3) ayat 185. Abdurrahim Yapono (2006) menghuraikan bahawa setiap yang berjiwa akan mengalami saat perpisahan dengan jasad (badan). Jiwa manusia tidak akan mati, sekalipun jasadnya tidak bernafas lagi. Hal ini disebabkan yang mampu merasakan sesuatu ialah sesuatu yang wujud (ada) sedangkan yang mati tidak akan mampu berasa sesuatu. Maka merasakan sesuatu merupakan cetusan perasaan yang dialami oleh mereka yang masih hidup.

Mati sering diulang-ulang oleh Allah SWT dalam Al-Quran sebagai peringatan kepada manusia. Dengan kata lain, sekuat mana kuasa yang ada pada manusia, mati tetap akan menjemputnya. Sejauh mana azab kematian bergantung kepada amalan manusia itu sendiri semasa kehidupan di dunia. Sementara itu, pemikiran Shahnnon tentang azab jelas melalui kenyataannya dalam judul “Azab Allah: Juzuk Yang Digeruni Dalam Sastera Islam,” (Shahnnon Ahmad, 2004:37), iaitu “...azab, seksa dan bala yang penuh kegerunan dan kepedihan yang ditimpa oleh Allah ke atas manusia yang sombong, takbur, pelupa, degil, keras hati, zalim, sentiasa bergolak serta mudah dipancing oleh syaitan.”

Dalam sejarah kehidupan manusia dengan merujuk Al-Quran, pelbagai konflik yang tergolong dalam dosa-dosa besar yang diazab oleh Allah. Berikut ayat-ayat Allah yang menjelaskan perkara-perkara tersebut; “Ada yang dimaknakan sebagai lucah, kotor dan membusukkan seperti berzina dan sumbang mahram (An-Nur, 24: 2). Ada konflik hidup melalui kefasikan (Al-Ankabut, 29: 34), pembunuhan yang tidak berdosa (Al-Isra’,





17: 33), pembolotan harta anak-anak yatim (Al-Isra', 17: 34), pembinaan kota dan istana pencakar langit melalui penganiayaan dan kezaliman yang pelbagai rupa (Al-Haj, 24: 55), pendustaan dan main olok-olok dengan ayat-ayat Allah dengan kata-kata yang seleweng (Al-A'raf, 7: 40). Ada pula konflik yang berpunca dari buta hati dan keras hati, tidak mahu berlembut (Al-Haj, 22: 46). Ada yang asyik berbohong dan berdalih dalam ucapan kerana hati berpenyakit (Al-Baqarah 2: 10), penyakit kemunafikan, hipokrit yang cepat mewabak (At-Taubah, 9: 77). Ada pula yang selalu was-was dan ragu-ragu hendak menjalankan perintah Allah (At-Taubah, 9: 45). Seribu satu macam lagi konflik manusia yang sentiasa mewabak dan menjadi penyakit sosial yang pastinya mengancam pembangunan insan" (Shahnon Ahmad, 2004: 38).



Mengapa Shahnon Ahmad mematikan watak-watak tertentu dengan azab seksa? Sememangnya semenjak daripada duhulu sehingga kini, timbul konflik demi konflik yang tidak pernah reda dalam kalangan manusia, khususnya dalam kalangan pemimpin yang berkuasa. Pelbagai kemungkaran, kesombongan, rasuah, menzalimi rakyat dengan menangkap sesiapa yang menentang tanpa bicara, membolot harta negara untuk kepentingan diri dan kroninya, sehinggalah ada yang mengaku dialah tuhan. Sebagai balasan di atas keingkaran watak-watak tersebut, unsur alam dilihat berfungsi dalam mengazab seksa manusia yang ingkar terhadap Allah SWT. Seterusnya, unsur alam berperanan dalam mengiringi kematian watak-watak utama atau watak pemimpin dalam karya-karya terpilih dalam kajian ini. Hal ini merupakan permasalahan dalam penyelidikan ini yang memerlukan penganalisisan terhadap karya-karya Shahnon Ahmad.





Penyelidikan ini memanfaatkan unsur alam sebagai simbolik yang perlu diberi makna baru untuk difahami oleh khalayak. Sering kali pengkarya menggunakan unsur-unsur alam sebagai simbolik yang dapat menaikkan seri penulisannya. Alam adalah satu unsur penting dalam proses kreatif untuk menyimpan ilham pengkarya. Hal ini kerana alam yang terbentang dan berkembang dapat dijadikan guru untuk diteladani. Daripada renungan terhadap alam, pengkarya dapat menemui makna kewujudan dan mengenal hakikat kehidupan. Contohnya air yang mengalir, dan matahari yang terbit dan terbenam mengingatkan kepada kepentingan berhijrah dan berubah untuk mengecapi kehidupan yang lebih baik. Laut yang bergelombang mengingatkan kepada cabaran yang mesti diharungi dalam mengemudi bahtera kehidupan. Burung yang terbang tinggi, lalu pulang ke sarang mengingatkan kepada kepentingan kembali ke pangkal jalan setelah terpisah jauh daripada Tuhan. Maka lahirlah ilham sebagai reaksi atau tafsiran kreatif terhadap potret alam yang ditatap oleh pengkarya.

Kematian dalam kesusasteraan itu sendiri mempunyai pelbagai fungsi melalui lambang-lambang tertentu yang berperanan dalam mempengaruhi emosi khalayak pembaca (Skelton, 2003). Merujuk pernyataan tersebut, penyelidik mendapati Shahnnon Ahmad telah menggunakan unsur alam sebagai lambang dalam menyampaikan mesejnya kepada khalayak pembaca. Beliau didapati telah menggunakan unsur-unsur alam seperti angin, hujan, ribut taufan, halilintar, kilat, lautan, bumi, matahari, bukit, gunung, banjir dan badai untuk mengazab atau mengiringi kematian watak-watak utama atau watak pemimpin dalam karya-karya terpilih dalam kajian ini. Keingkaran manusia sememangnya berleluasa dan Allah SWT terus saja mendera manusia yang ingkar dengan





pelbagai seksaan yang menggerunkan melalui tentera Allah SWT yang merupakan unsur-unsur alam. Hal ini merupakan suatu permasalahan dalam penyelidikan ini yang memerlukan penganalisisan terhadap karya-karya Shahnnon Ahmad seperti mana kata-katanya dalam petikan berikut; “Ada azab berbentuk hujan batu kerikil. Ada yang dimatikan oleh suara keras yang menggunturkan. Ada yang terus dibenamkan sahaja kedalam perut bumi. Ada yang dengan mudah ditenggelamkan oleh banjir yang melimpah ruah.” Firman Allah (Al-Ankabut [29]: 40) yang bermaksud; Maka diantara mereka Kami hantarkan angin ribut menghujainya dengan batu dan ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang menggemparkan bumi dan ada yang Kami timbuskan dia di bumi dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut.



Bayangannya begitu jelas digambarkan Allah SWT. Antaranya, azab yang menimpa kaum Nuh a.s kerana ingkar perintah Allah SWT dan asyik menyembah selain Allah SWT. Banjir besar telah menghapuskan kaum tersebut (Al-Ankabut (29): 14. Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Nuh kepada kaumnya, maka ia tinggal di antara mereka seribu tahun kurang lima puluh tahun. Maka mereka ditimpa banjir besar, dan mereka adalah orang-orang yang zalim. Begitu juga seksaan ke atas perbuatan homoseksual kaum Luth a.s. Dimusnahkan oleh Allah SWT kaum tersebut dan Kota Aadum terus dibinasakan begitu sahaja. Firman Allah (Al-Ankabut [29]: 34) yang bermaksud: Sesungguhnya Kami akan menurunkan azab dari langit atas penduduk kota ini kerana mereka berbuat fasik. Allah SWT juga memusnahkan Kota Madyan yang didiami oleh kaum Nabi Syuib a.s., kerana tindakan penipuan dalam timbangan. Dengan hanya gerak gempa yang datang sekelip mata, mayat-mayat kaum Nabi Syuib a.s





bergelimpangan di tempat-tempat tinggal mereka, sebagaimana firman Allah (Al-Ankabut [29]: 37) yang bermaksud; Maka mereka mendustakannya, lalu mereka dibinasakan oleh gempa bumi, serta menjadilah mereka mayat-mayat yang tersungkur di tempat tinggal masing-masing.

Begitu juga azab yang menggerunkan menimpa kaum Aad dan kaum Tsamud kerana terang-terang mengingkari nikmat Allah SWT. Allah SWT memusnahkan mereka sehingga tidak meninggalkan benih keturunan. Jelaslah, azab Allah SWT datang dalam berbagai-bagai wajah dan sememangnya menggerunkan sekali. Diperjelaskan bahawa jenis-jenis kegerunan yang menakutkan itu datangnya sama ada dari langit, lautan, bumi, atau udara. Unsur alam tersebut merupakan simbol kekuasaan Allah SWT bagi



05 menghukum atau memusnahkan suatu kaum atau suatu bangsa yang ingkar dengan perintah-Nya. Peristiwa-peristiwa yang berlaku tersebut adalah sebagai pengajaran kepada umat manusia pada zaman terkemudian. Dalam penyelidikan ini didapati Shahnon Ahmad memanfaatkan unsur alam sebagai lambang bagi mengazab seksa dan mengiringi kematian dalam karya-karyanya. Sehingga kini ini, belum ditemui satu penyelidikan atau penelitian yang serius berkaitan permasalahan unsur alam sebagai lambang dalam mengazab dan mengiringi kematian watak dalam karya-karya kreatif oleh Shahnon Ahmad.

Berkaitan dengan perbahasan tentang roh, maka penyelidikan ini bersandarkan kepada firman Allah (Al-Isra' [17]: 85) yang bermaksud; Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah (wahai Muhammad) bahawa roh itu adalah dari



urusan Tuhanku, dan kamu tidak diberikan pengetahuan mengenainya melainkan sedikit. Ayat tersebut diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW ketika Baginda ditanya oleh orang-orang Yahudi di Madinah (Abdullah Muhammad, 2013: jld. 5, 208-209), “Sesungguhnya Allah tidak memberi ilmu tentang roh itu kepada manusia melainkan hanya sedikit sahaja.” Sementara itu, Shahnnon Ahmad (1998: 3), menyatakan bahawa “sesungguhnya hanya Allah yang mengetahui segala aspek alam rohaniah atau alam roh ini (rujuk Al-Isra: 185), khususnya alam roh yang menjadi maudhuk dalam konteksnya dengan kreativiti karya sastera dirahsiakan oleh Allah SWT dan hanya sedikit sahaja diberitahu kepada kita, tapi untuk benar-benar berada di landasan keseluruhan dan kesempurnaan mukmin dalam perjalanan kreativiti kita, maka dengan pengetahuan yang sedikit itu jugalah kita terus menerokai dan menjelajahinya untuk tiba pada puncak individualisme mukmin, di samping memohon petunjuknya.”

Pengalaman dalam mencari kebenaran dan hakikat kewujudan, telah membuka pengalaman manusia kepada satu ruang lingkup yang lain, iaitu pengalaman rohaniah yang universal sifatnya dan transcendental, yakni satu pengalaman yang di luar kemampuan manusia biasa. Shahnnon Ahmad (1998: 3), “Tapi untuk ber klimaks individualisme mukmin dalam perjalanan kreativiti ini, ianya hendaklah berlandaskan *weltanschauung* atau pandangan semesta tentang realiti mengikut perspektif Islam yang tentunya mencakupi keseluruhan tanggapan terhadap entiti dan hubungan Tuhan, alam dan manusia. Realiti alam syahadah sahaja seperti yang didendangi oleh kebanyakan sasterawan sekarang, meskipun penting, tidak menyeluruh dan lengkap. Realiti dan pengalaman di luar alam syahadah, iaitu alam malakut, alam ghaib, alam roh, alam di luar



alam nyata perlu diimani, diucapi dan diamali sebagai landasan dalam kehidupan, termasuk dalam perjalanan kreativiti yang merupakan satu juzuk penting dalam kehidupan juga.”

Sehubungan dengan itu, proses kreativiti karya sastera di luar dunia realiti atau pengalaman di luar alam syahadah iaitu alam malakut, alam ghaib, alam roh merupakan juzuk yang dalam aspek alam rohaniah merupakan satu permasalahan yang memerlukan penilaian dalam penyelidikan ini.

Satu daripada definisi permasalahan kajian berupa jurang kepada kesinambungan kajian lepas (Ruzlan Md. Ali, Abdull Sukur Shaari, & Ishak Sin, 2010). Berdasarkan kajian lepas, penyelidik mendapati sebuah penulisan ilmiah mengenai kematian dalam karya kreatif telah dihasilkan oleh Anwar Efendi (2010) yang bertajuk *Realitas Kematian Dalam Novel Ny. Talis* Karya Budi Darma. Kajian beliau mendapati realiti kematian dalam novel *Ny. Talis* berupa kematian tokoh, tempat yang berhubungan dengan kematian, proses pemakaman, bayangan kematian, dan makna kematian. Dari aspek fungsional, realiti kematian dalam novel *Ny. Talis* karya Budi Darma mendukung keutuhan unsur struktur novel, khususnya watak dan perwatakan, latar, plot, dan tema. Sungguhpun penulisan Anwar Efendi berkaitan kematian, namun penelitiannya terbatas kepada kajian struktural-genetik. Antara saranan kajian berikutnya oleh Anwar Efendi ialah kajian untuk memahami makna tanda-tanda kematian dengan memanfaatkan pendekatan semiotik. Sehubungan dengan itu, penyelidik melakukan kesinambungan kajian kematian dengan pendekatan semiotik terhadap karya-karya yang dominan dengan





kematian khususnya kematian watak pemimpin atau manusia yang berkuasa terhadap karya Shahnnon Ahmad.

#### 1.4 Kepentingan Kajian

- i. Kajian ini mencerminkan keperihatinan pengarang berkaitan satu detik apabila terpisahnya jasad dengan roh, yang mana semua manusia akan menempuhnya, dan dizahirkan melalui proses kreatif. Susulan dengan itu, penyelidikan ini amat penting untuk melihat bagaimana kematian berlaku.
- ii. Pelbagai cara atau teknik naratif tertentu dilakukan oleh pengarang dengan memanfaatkan bahasa sastera bagi menstruktur bagaimana kematian berlaku. Seterusnya mengarahkan khalayak berfikir tentang kematian, dan bagaimana penerimaan khalayak pembaca menerima kematian melalui perwakilan lambang-lambang sastera. Hasil kajian ini penting bagi membantu pengkarya melihat bagaimana mengungkapkan kematian dalam karya kreatif mereka.
- iii. Kajian ini penting sebagai panduan kepada penyelidik yang ingin meneroka kajian berkaitan hubungan entiti antara Tuhan, manusia dan alam, dalam bidang kesusasteraan.
- iv. Kajian ini juga diharap menjadi penemuan penting dalam memahami pemikiran tentang kematian dalam karya-karya Shahnnon Ahmad melalui “Model Pemikiran Kematian Dalam Penulisan Kreatif Shahnnon Ahmad”.





## 1.5 Objektif kajian

Berhubung dengan permasalahan di atas, maka terdapat tiga objektif dikenal pasti dalam kajian ini iaitu:

- i. Menenal pasti kasus kematian watak-watak pemimpin dalam karya-karya terpilih Shahnnon Ahmad.
- ii. Menganalisis unsur alam yang mengazab watak pemimpin dan mengiringi kematian watak pemimpin dalam karya-karya Shahnnon Ahmad.
- iii. Menganalisis kreativiti alam di luar syahadah dan hubungannya dengan kematian watak pemimpin yang dikemukakan oleh Shahnnon Ahmad dalam karya-karyanya.



## 1.6 Soalan Kajian

- i. Apakah kasus kematian watak-watak pemimpin dalam karya-karya Shahnnon Ahmad?
- ii. Bagaimanakah unsur alam digunakan bagi menyeksa watak pemimpin dan mengiringi kematian watak pemimpin dalam karya-karya Shahnnon Ahmad?
- iii. Sejauhmanakah kreativiti alam di luar syahadah dan hubungan dengan kematian watak pemimpin yang dikemukakan oleh Shahnnon Ahmad dalam karya-karyanya?





## 1.7 Kerangka Teori


Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis persoalan kematian dalam dalam karya-karya kreatif Shahnnon Ahmad. Teks yang mendapat perhatian pengkaji bagi penyelidikan ini adalah *Patriarch* (1995), *SHIT* (1999) dan *Pararuhi* (2000). Bagi menganalisis tiga buah teks tersebut, penyelidik memanfaatkan pendekatan semiotik melalui idea dan pemikiran Barthes iaitu kod budaya dan kod simbolik. Seterusnya bagi menguatkan hujah berkaitan konteks kematian dari sudut kosmologi Islam, maka penyelidik memanfaatkan teori simbolik Al-Nur oleh Ahmad Kamal Abdullah (2010) bersumberkan Al-Ghazali.



Berdasarkan rajah 1.0, kod budaya digunakan untuk menganalisis kasus kematian watak pemimpin dalam teks yang dikaji. Kod simbolik digabungkan dengan teori simbolik Al-Nur bagi menganalisis unsur alam yang mengazab seksa dan mengiringi kematian. Analisis data dalam kod simbolik dan teori simbolik Al-Nur dihuraikan secara tidak terpisah dengan konsep kod budaya. Hal ini kerana data yang terdiri daripada unsur alam yang mengazab seksa dan mengiringi kematian watak memerlukan kefahaman budaya berdasarkan persekitaran kelahiran karya yang menjadi teks kajian.

Kod merupakan satu kuasa yang menguasai sesuatu teks. Kod juga boleh menjadi satu atau pelbagai suara yang terjalin dalam sesebuah teks. Kod sangat perlu untuk memahami sesebuah teks sastera.





Rajah 1.0. Kerangka teori kajian kematian dalam karya Shahnon Ahmad

Jika kod itu dapat dipecahkan maka kita akan memahami maksud yang terkandung dalam teks berkenaan. Hal ini telah di perkatakan oleh Barthes (1991:21) seperti berikut; “... *each code is one of the forces that can take over the text (of which the text is the network), one of the voices out of which the text is woven.* Bagi kod budaya pula, adalah terangkum segala rujukan berkaitan dengan pengetahuan dengan sesuatu bidang yang terdapat dalam masyarakat. Barthes (1991:20), menjelaskan kod budaya sebagai “*references to a science or a body of knowledge (physical, physiological, medical, historical, etc.) referred to, without going so far as to construct (or reconstruct) the culture they express.*” Maka dalam konteks penyelidikan ini ilmu pengetahuan



tentang kebudayaan masyarakat dalam teks adalah amat perlu khususnya bagi menilai kasus kematian yang menjadi persoalan kajian. Manakala kod simbolik difahami sebagai kod yang memancarkan ketidakpastian makna. Barthes (1991:19) mendefinisikan kod simbolik sebagai *“Moreover, we shall refrain from structuring the symbolic grouping; this is the place for multivalence and for reversibility.”*

Dalam konteks penyelidikan ini, konotasi yang merupakan lapisan kedua bagi makna sesuatu bahasa. Kod budaya dan kod simbolik yang digunakan sebagai lapisan makna yang ketiga dalam memberi makna kepada sesuatu tanda oleh Barthes adalah tidak mengarah kepada kosmologi agama Islam yang mana teks yang dikaji dilahirkan. Maka kajian ini akan membawa definisi supaya sesuai dengan karya-karya yang dikaji kerana jelas idea dan isinya merujuk kepada Islam melalui Al-Quran, hadis dan sirah nabi. Oleh kerana Barthes pula lahir dan anutan agama yang berbeza dengan pengarang yang menghasilkan karya yang menjadi teks yang dikaji, maka huraian dan hujah yang berlandaskan kepada Barthes tersebut perlu diperkukuhkan teori simbolisme al-Nur oleh Ahmad Kamal Abdullah (2010) bersumberkan pandangan Al-Ghazali. Maka unsur alam yang dilihat dalam kajian ini sebagai simbol atau tanda melalui teori simbolik al-Nur akan dirujuk melalui firman Allah dalam al-Quran, hadis, tasawuf, keilmuan Islam dan alam dalam konteks Islam secara perbandingan.





## 1.8 Batasan Kajian

Dalam pemilihan teks kajian, pengkaji menumpukan perhatian kepada tiga buah novel yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad iaitu *Patriarch* (1995), *SHIT* (1999) dan *Pararuhi* (2000). Novel *Patriarch* dipilih dalam kajian ini kerana teksnya kaya dengan pelbagai tanda atau simbol. Dengan menggunakan simbol, pengarangnya memaparkan realiti kehidupan masyarakat Melayu daripada kasih sayang, kekejaman, kepimpinan dan mentaliti politik. Kepincangan kepimpinan politik pula bermula dari pemimpin yang diberi simbol *Patriarch* dan dimatikan oleh Shahnnon dengan gambaran seksaan daripada unsur alam.



Manakala novel *SHIT* yang menyaranakan dua makna kepada pembaca iaitu najis yang busuk dan seruan caci maki. Pengarang *SHIT* cuba menyamakannya dengan politik yang kotor serta mendedahkan penyelewengan dalam kepimpinan politik. Akhirnya watak pemimpin politik dimatikan oleh pengarang dengan menggunakan unsur alam sebagai simbol kekuasaan Yang Maha Kuasa.

Novel *Pararuhi* mengisahkan persoalan alam roh bagi tiga golongan manusia iaitu mukmin, kafir dan munafik. Dengan menggunakan kelebihan kreativiti, pengarang membentang gambaran keperitan perpisahan antara roh dan jasad bagi tiga golongan manusia tersebut. Penggunaan unsur alam dalam novel ini dilihat sebagai manifestasikan kebesaran dan malapetaka daripada Allah dalam mengiringi perjalanan roh watak Miin, Fiir dan Fiiq yang bermula daripada saat-saat sakaratulmaut hingga ke alam kubur.





Mengapa tiga buah karya ini terpilih untuk dikaji dalam penyelidikan ini? Pertama, tiga teks tersebut dominan dengan kematian watak pemimpin yang berkuasa melalui sistem politik negara. Kedua, pelbagai unsur alam dinaratifkan oleh Shahnnon Ahmad bagi mengazab seksa watak-watak pemimpin tertentu dan sebaliknya mensejahterakan watak-watak pemimpin tertentu dalam menempuh detik kematian dalam karya-karyanya. Ketiga, terdapat unsur kreativiti Shahnnon Ahmad dalam menaratifkan penerimaan alam selepas alam dunia bagi watak-watak pemimpin dengan konsep balasan berdasarkan amalan yang dilakukan di alam dunia.

## 1.9 Definisi Istilah dan Konsep



Istilah yang merupakan kata kunci dalam tajuk penyelidikan perlu ditegaskan bagi menghasilkan suatu kajian yang terarah dan baik. Pendefinisian istilah berfungsi memberikan batasan yang jelas bagi beberapa gejala yang dikaji. Batasan tersebut (William & Paul, 1981) dapat memberikan satu identifikasi terhadap faktor-faktor yang ada pada sebarang sistem, dengan maksud menemukan cara pembuatan sistem yang mampu beroperasi lebih efektif sesuai dengan kehendak kajian. Konsep-konsep yang tertonjol dalam kajian ini ialah istilah-istilah penting yang dikandung dalam tajuk kajian seperti berikut:





### 1.9.1 Kematian

Kematian ialah terputusnya ikatan ruh dengan badan (yakni berlaku perpisahan antara roh dan jasad) dan berpindahnya manusia dari satu alam ke alam yang lain (Al-Qurthubi, 1990: 6). Dari segi sains, mati itu ialah rosaknya jasmani atau tidak berfungsinya badan terutama kerana terhentinya kerja jantung, pernafasan, dan otak (Harun Din, 2010). Manakala Suhailey Mohd Noor (2013) pula mendefinisikan kematian sebagai kehilangan fungsi secara berbalik sebagai satu organisma dan secara keseluruhannya pada tubuh badan manusia. Dalam penyelidikan ini, kematian yang dibicarakan ialah aspek kasus kematian itu sendiri, menghadapi fenomena sakaratulmaut yang akan dihadapi oleh semua makhluk Allah bagi yang dikehendaki oleh-Nya, serta azab atau rahmat bergantung kepada amal ibadat yang dikerjakan di alam dunia. Seterusnya konsep kematian dibincangkan dalam bab empat.

### 1.9.2 Pemimpin

Pemimpin adalah sebahagian daripada ahli kumpulan yang diberi kedudukan dan kuasa yang tertentu dan bertindak sesuai dengan kedudukannya. Pemimpin menerima kuasa sebagai amanah daripada Allah yang disertai dengan tanggungjawabnya yang besar (Hisham Al-Halib, 1992). Dalam penyelidikan ini, semua watak pemimpin yang dianalisis dihubungkan dengan pemimpin politik dan kuasa.





Peribahasa Melayu ada mengungkapkan jika kerbau dipegang pada talinya maka pemimpin dipegang pada amanah yang diterima iaitu kuasa. Tidak ada organisasi tanpa pemimpin. Organisasi atau rakyat tanpa pemimpin seperti tubuh tanpa kepala, mudah menjadi sesat, panik, kacau dan penuh dengan konflik. Pemimpin pada dasarnya ialah seseorang yang dengan kekuatan dan kuasanya mampu mempengaruhi orang lain untuk secara bersama-sama atau bersendirian melakukan sesuatu bagi mencapai sesuatu tujuan yang diinginkan. Epistemologinya masyarakat di Tanah Melayu telah mempunyai satu bentuk pimpinan baharu akibat daripada munculnya institusi dan organisasi politik serta sistem birokrat ala-Barat (Abdul Wahab Ali, 1989). S. Husin Ali (t.t) mengkategorikan pemimpin tradisi dalam masyarakat Melayu kepada tiga iaitu *kinship leaders* (pemimpin keluarga), *magico-religious leaders* (pemimpin magico-agama), dan *political leaders* (pemimpin politik). Penyelidikan ini membataskan perbincangan pemimpin bagi *political leaders*.

Menurut Hisham (1992: 53) pemimpin yang amanah ialah seorang yang memimpin dan bukan seorang yang menggunakan kedudukan untuk memimpin. Setiap manusia yang berpijak di atas muka bumi ini merupakan pemimpin yang mempunyai tanggungjawab dan setiap pemimpin perlu bertanggungjawab ke atas pimpinannya. Manusia yang terpilih atau dipilih sebagai pemimpin mempunyai tanggungjawab yang sangat besar untuk dipikul. Satu daripada tanggungjawab yang dimaksudkan ialah tanggungjawab pemimpin ke atas orang bawahannya. Jika kepimpinan negara, maka tanggungjawab pemimpin kepada rakyatnya. Dalam konteks negara, pemimpin bukan





sahaja memimpin pemimpin bawahannya, malah menjadi kewajipan menjaga rakyatnya dengan memelihara keadilan dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan ke atasnya.

Istilah pemimpin muncul daripada perkataan “pimpin” yang bermaksud membimbing, memandu, menunjuk, mengepalai dan mengetuai. Kepimpinan pula diterjemahkan sebagai keupayaan mempengaruhi individu atau sesuatu kumpulan untuk mencapai matlamat kumpulan atau organisasi (Noraini & Ahmad, 2011). Menurut Yuki (2002) kepimpinan selalunya dikaitkan dengan proses struktur, kuasa, mendorong, merangsang, sumber ilham, menentu matlamat, mencipta wawasan dan tanggungjawab memberikan motivasi kepada mereka yang berada di bawah pimpinannya. Pendefinisian yang dibincangkan di atas selari dengan pandangan Morphet, Johns dan Reller seperti



yang dilaporkan oleh Newell (1978: 221) yang mengatakan: *Leadership means the role of change agent; to others it means the influence which one person exerts on another.*

Menurut Azhari (1998), konsep kepimpinan melibatkan lapan dimensi nilai seperti agama, budaya, ekonomi, politik, estetika, teknologi, sosial, dan psikologi dalam diri seseorang pemimpin dan orang yang dipimpin. Sebaik-baiknya seseorang pemimpin itu hendaklah mempunyai *membership character*, iaitu diterima oleh orang-orang yang dipimpinnya.

Menurut Lee (1980), seseorang pemimpin itu harus mempunyai kelebihan pada dirinya melalui: (a) kepastian, kecerdasan, kewaspadaan, kemampuan berbicara, kemampuan menilai. (b) prestasi, ilmu pengetahuan dalam bidang tertentu. (c) tanggungjawab, berani, tekun, mandiri, kreatif, keyakinan diri, agresif. (d) aktif, memiliki



keyakinan tinggi, kooperatif, kemampuan bergaul. (e) status, kedudukan sosial ekonomi cukup tinggi. Berdasarkan perbincangan di atas, maka seseorang pemimpin itu seharusnya memiliki (a) kekuasaan, iaitu autoriti dan legaliti yang boleh mempengaruhi dan menggerakkan orang bawahan untuk melakukan atau berbuat sesuatu dalam rangka penyelesaian tugas tertentu. (b) kewibawaan iaitu keunggulan, kelebihan, keutamaan sehingga mampu mengatur orang lain dan patuh kepadanya. (c) kemampuan, iaitu sumber daya kekuatan, kesanggupan dan kecekapan yang melebihi daripada orang lain.

Pimpinan masyarakat merupakan satu kedudukan sosial dan sebagai satu kedudukan sosial, pimpinan itu merupakan satu yang kompleks dari hak-hak dan kewajiban-kewajiban yang dapat dimiliki oleh seseorang (pemimpin, ketua, kepala, raja, panglima dan lain-lain) atau oleh satu badan (pengurusan atau pemerintah dan lain-lain) (Koentjaraningrat, 1967: 181; Abdul Wahab Ali, 1989: 38).

Berkaitan dengan pengaruh kepimpinan, Schellenberg menjelaskan bahawa (A. Wahab Ali (2010);

*Leadership depends on the nature of the person who exerts influence, the needs of other persons involved, the situation in which they are together, and above all, the particular combination of persons and situation.*

(1970: 52)

Merujuk pandangan Schellenberg tersebut, sesuatu kepimpinan itu ialah *social influence*. Jelasnya, pengaruh kepimpinan itu digunakan dalam satu kumpulan atau komuniti yang berdasarkan paksaan. Situasi seperti dimaksudkan tersebut berpunca



apabila seseorang pemimpin itu menganggap orang bawahannya belum dewasa atau tidak bijak, tidak memberi kesempatan orang bawahan membuat keputusan dan bersikap maha tahu dan maha benar. Selanjutnya, muncullah organisasi atau sesebuah negara itu sebagai hak miliknya. Kesannya, muncullah pemimpin bertindak sebagai diktator yang memerintah negara dengan paksaan dan ancaman.

Dalam konteks pemerintahan negara pada masa kini, pemilihan pemimpin negara adalah bersandarkan sistem demokrasi. Oleh kerana teks kajian dihasilkan oleh penulis yang lahir di negara ini maka sistem politik yang melahirkan pemimpin di negara ini adalah menjadi rujukan penyelidikan. Watak pemimpin dimunculkan melalui parti politik yang berpengaruh dan mendapat sokongan daripada rakyat. Pihak yang memiliki majoriti terbanyak mendapat mandat untuk memegang teraju pemerintahan negara. Sehubungan dengan itu, daripada kehidupan berparti telah memunculkan pemimpin di pelbagai peringkat seperti kampung, daerah, negeri hinggalah peringkat negara.

Dari perspektif Islam, asas moral kepimpinan Islam adalah merangkumi iman, Islam, takwa, dan ihsan (Rafik Issa Beekun & Jamal Badawi, 1998). Pemimpin menerima kuasa adalah sebagai amanah daripada Allah yang disertai dengan tanggungjawabnya yang besar. Hal ini ditegaskan dalam surah Al-Haj ([22]: 41):

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ  
وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ





Terjemahan:

*(Iaitu) Orang-orang yang Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang, membayar zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah yang mungkar. Dan akibatnya semua perkara adalah kepunyaan Allah.*

Dirujuk dalam maksud ayat tersebut, jelas Islam menuntut seseorang pemimpin melaksanakan amanah yang diterimanya itu dengan penuh tanggungjawab. Tuntutan tersebut tidak terkecuali kepada pemimpin politik.

Menurut Wan Mohd. Mahyiddin (1985) seseorang pemimpin politik hendaklah



05

(a) mempunyai sifat nasionalis yang bertunjang kepada kepercayaan agama. Tanpa sifat ini, pejuang itu masih tidak boleh dipercayai sepenuhnya walaupun berkelayakan. (b) mesti menumpu sepenuh perhatian kepada landasan perjuangan ideologi yang dibawanya dengan bersandarkan kepada dasar, matlamat dan tradisinya yang membolehkan rakyat mengangkatnya. Seseorang pemimpin tidak boleh separuh hati atau sambil lewa sahaja. Seluruh jiwa raganya mesti diabdikan kepada perjuangan dengan sungguh-sungguh hati. Harus sedar bahawa hasil tidak akan ternampak dalam waktu yang singkat. Pemimpin hendaklah mengatur hidupnya selaras dengan kehendak amanah yang rakyat berikan kepadanya. (c) taat dan patuh kepada dasar-dasar yang telah ditentukan oleh sebarang pihak berkuasa di dalam negara yang menerima mandat daripada rakyat. Tindakan-tindakannya adalah selaras dengan kehendak dasar dan perlembagaan negara. (d) mesti bersikap jujur dan amanah. Kedua sikap tersebut mesti tersemat di dalam jiwanya. Kerana jujur, seseorang pemimpin tidak akan membolot harta rakyat dan negara bagi





kepentingannya sendiri atau menyalahgunakan kuasa. (e) mempunyai keberanian atau *courage* yang cukup bagi menjayakan apa yang diharapkan rakyat. Keberanian ini bukan keberanian bercorak fizikal semata-mata tetapi ialah *moral courage* yang berani menjalankan satu-satu tindakan untuk kepentingan rakyat, walaupun beliau ditentang oleh pihak-pihak yang kuat dan berpengaruh. (f) bersifat demokratik dan adil iaitu membenarkan pihak lain mengambil bahagian dalam membuat keputusan dan mengambil berat tentang pandangan-pandangan pihak lain. Dirumuskan bahawa seorang pemimpin itu perlu menampakkan jati diri dan keseluruhan peribadi yang kuat yang boleh menjadi teladan kepada rakyat.

Bagaimana pula seseorang pemimpin itu rosak dan mengalami kejatuhan?



05 Seseorang pemimpin kebiasaannya merasai gagah dan kuat sewaktu mengejar matlamat yang belum tercapai dan bila kuasa masih jauh daripada tangan. Kebiasaannya akan menghala kepada perjuangan untuk mencapai matlamat dan pemusatan tenaga yang tidak berbelah-bahagi, sehinggakan tempat tidur dan makan tidak diendah sangat. Berpuas hati dengan rumah biasa dan makanan biasa seperti rakyat marhaen. Kesusahan dianggap sebagai darah daging perjuangan dan pengorbanan adalah perlu bagi mencapai matlamat.

Dari sudut pandang lain, apabila kuasa di tangan, perspektif pengkaji yang dihubungkan dengan konteks teks yang dikaji dibincangkan seterusnya. Setelah kuasa dalam gengaman mulalah nampak kelonggaran dan kelemahan-kelemahan. Kuasa yang diperoleh daripada rakyat dan bertujuan untuk memperbaiki keadaan hidup rakyat tidak digunakan dengan berkesan, iaitu suatu keadaan yang disebabkan oleh sikap pemimpin





itu sendiri atau kelemahan-kelemahan lain yang dihadapi oleh setiap ahli masyarakat. Kadang-kadang kuasa itu disalahgunakan; pemimpin yang nampak daif dengan tidak semena-mena menunjukkan belang mereka yang sebenar. Perkara-perkara yang tidak terfikir oleh mereka sebelumnya sekarang dibuat mereka dengan menggunakan kuasa dan kedudukan yang telah diperoleh, tanpa merasa takut terhadap tuntutan rakyat. Inilah yang belum pasti dan menjadi ujian kepada setiap pemimpin sama ada pemimpin tersebut akan menggunakan kuasa untuk perkara-perkara yang membina atau sebaliknya setelah beroleh kuasa, kedudukan dan kekayaan.

Pemimpin politik menjunjung amanah yang besar, yang diterima daripada rakyat yang memilih mereka, khususnya melalui pilihanraya seperti mana yang diamalkan dalam pemilihan pemimpin politik di negara ini. Pemimpin perlu memelihara kuasa yang diberi dan menggunakannya untuk memartabatkan manusia dan kemanusiaan. Pemimpin dan kuasa tidak boleh dipisahkan. Pemimpin politik tidak boleh berdolak dalih dengan kuasa, dan jauh sekali untuk menyalahgunakannya. Penyalahgunaan kuasa akan disusuli dengan penganiayaan dan kezaliman. Jika penyalahgunaan kuasa menjadi mainan pemimpin politik, maka akibatnya amat buruk sekali. Hakikat inilah yang berlaku kepada pemimpin politik seperti watak Patriarch dalam novel *Patriarch*, watak PM dalam novel *SHIT*, watak Fiiq dan watak Fiir dalam novel *Pararuhi*.

Dalam novel-novel yang menjadi teks kajian terdapat pemimpin-pemimpin politik yang dibahasakan sebagai watak Patriarch dalam novel *Patriarch*, watak PM dan watak Wirawan dalam *SHIT*, dan watak Min, Fiq dan Fir dalam novel *Pararuhi*. Dalam





penyelidikan ini, didapati hanya dua watak pemimpin politik sahaja iaitu Wirawan di dalam novel *SHIT*, dan Min dalam novel *Pararuhi* yang dinaratifkan sebagai watak pemimpin yang jujur dan sedar tentang amanah yang dipikul dan bermatlamat untuk membawa kemakmuran dan keberkatan dalam kepimpinan mereka. Sementara watak PM dalam novel *SHIT*, watak Patriarch dalam novel *Patriarch*, dinaratifkan oleh Shahnnon Ahmad sebagai watak yang gelojoh dan rakus dengan kuasa, serta jauh sekali untuk menunaikan tanggungjawab dan amanah, memperjuangkan kebenaran dan ketelusan dalam kepimpinan mereka.

Pemimpin adalah sebahagian daripada ahli kumpulan yang diberi kedudukan dan kuasa yang tertentu dan bertindak sesuai dengan kedudukannya. Pemimpin menerima kuasa sebagai amanah daripada Allah yang disertai dengan tanggungjawabnya yang besar (Hisham, 1992). Dalam penyelidikan ini, semua watak pemimpin yang dianalisis dihubungkan dengan pemimpin politik dan kuasa.

### 1.9.3 Unsur Alam

Alam dalam bahasa Arab bermaksud dunia atau bumi. Alam meliputi segala yang ada di langit dan di bumi. Dalam erti kata yang lebih luas, alam merangkumi segala ruang budaya manusia. Hoiyar (1983) menyatakan bahawa alam ialah segala yang mencakup ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, akhlak, undang-undang, dan adat resam yang diwarisi oleh seseorang ahli masyarakat. Menurut Rita Inderawati (2010), alam mempunyai





tanda yang disebut gejala alam. Halalintar, pelangi, hujan, air, angin, pohon, pulau, laut dan sebagainya adalah sebagai gejala alam.

Penggunaan gejala alam dalam penghasilan karya sastera sangat dominan digunakan oleh Shahnnon Ahmad. Alam banyak digunakan dalam bahasa sastera sebagai tanda yang memiliki pelbagai lapisan makna. Para sasterawan menggunakan gejala alam sebagai salah satu jalan masuk ke sebuah imaginasi yang estetik dalam karyanya.

Jika dilihat dari sudut mata kasar, alam dilihat mempunyai perkaitan yang rapat dengan manusia. Menurut Mustafa Mohd. Isa (1994), alam dilihat sebagai terbahagi kepada dua jenis iaitu alam nyata dan alam supernatural. Menurut beliau, alam nyata dengan anasir-anasir gunung-ganang, lautan, hutan rimba, kampung dan kota, manusia dan binatang. Alam nyata adalah khusus menjadi tempat kehidupan makhluk yang nyata seperti manusia dan binatang-binatang. Manakala alam supernatural pula dengan bentuk yang hampir sama seperti alam nyata tetapi dengan penekanan ciri-ciri ghaib pada lautan dan gunungnya, serta makhluk-makhluk magis yang mendiaminya.

Berdasarkan pengertian dan huraian di atas, dapatlah dijelaskan bahawa alam dan manusia mempunyai perhubungan yang erat dan saling melengkapi. Hubungan antara fikiran dengan alam adalah sebahagian daripada kehidupan manusia yang membezakannya daripada makhluk lain. Oleh kerana itu, tiada yang lebih konkrit untuk mencerminkan pemikiran dalam hubungannya dengan alam serta budaya sesuatu masyarakat melainkan sesungguhnya bahasalah yang boleh menjelaskannya.





Sehubungan dengan itu, alam sangat penting dalam penghasilan sesebuah karya kesusasteraan sebagai landasan bagi menyampaikan sesebuah cerita atau maksud di sebaliknya. Alam juga amat berperanan dalam melaksanakan sesebuah kehidupan. Manusia dengan alam diibaratkan aur dengan tebing yang mana tidak boleh dipisahkan. Tanpa alam, manusia tidak akan dapat melaksanakan kehidupan mereka dengan sempurna. Unsur alam juga memainkan peranan yang penting kepada pengkarya. Alam merupakan satu sumber bagi mereka memperoleh sesebuah idea atau buah fikiran. Idea dan buah fikiran itu kemudian diungkapkan dalam bentuk cerita sama ada lisan mahupun tulisan.



Seseorang sasterawan dikesani sering berinterpretasi dengan alam. Interpretasi bermakna seseorang sasterawan mentafsir setiap unsur alam sebagai membawa maksud yang lebih besar dan bermakna kepada khalayak pembaca. Penyelidikan ini melihat bagaimana unsur alam fizikal telah diadun sebagai simbolik dan perlambangan yang bertindak sebagai tentera Allah? Naratif unsur alam yang digunakan Shanon Ahmad dalam tiga buah karyanya iaitu *Patriarch*, *SHIT* dan *Pararuhi* telah diaplikasikan sebagai (a) gambaran suasana kematian watak. (b) pengazab yang membawa kepada kematian watak. (c) mengiringi watak keluar daripada alam syahadah.

Dalam penyelidikan ini juga unsur alam dirujuk selaras dengan ajaran Islam. Unsur alam banyak disebut dalam Al-Quran. Sebagai contohnya firman Allah SWT (Al-Baqarah [2]: 164):





إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ  
الَّتِي تَجْرَى فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ  
مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ  
وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ  
لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Terjemahan:

*Sesungguhnya pada ciptaan langit dan bumi, pertukaran malam dan siang, kapal yang belayar di lautan yang memberi manfaat kepada manusia, air hujan yang di turunkan Tuhan dari langit, maka dihidupkan bumi yang sudah mati dan berkeliaranlah pelbagai bangsa binatang dan perkisaran angin dan disuruh bekerja di antara langit dan bumi, sesungguhnya semua itu menjadi bukti kebenaran untuk orang-orang yang berakal.*



Berdasarkan maksud firman Allah SWT di atas, dapat dilihat bahawa dalam agama Islam juga menerangkan tentang penggunaan unsur alam dalam aktiviti kehidupan. Maksud ayat di atas juga memberi peringatan kepada umat manusia agar menggunakan unsur alam yang ada demi untuk menampung kehidupan, bekerja dan hanya itu yang menjadi bukti kebenaran bagi manusia yang berakal. Dapatlah dilihat di sini bahawa kebijaksanaan manusia dalam mengeksploitasikan alam dapat membawa kebaikan kepada mereka.





Penggunaan unsur alam banyak ditemui dalam kesusasteraan sama ada kesusasteraan lisan mahupun kesusasteraan tulisan. Penggunaan unsur alam juga mempunyai sebab dan juga akibatnya yang tersendiri, yang ingin disampaikan oleh pengarang dan juga pencerita. Lantaran itu, kajian ini dilakukan untuk merungkai rahsia di sebalik penggunaan unsur alam dalam tiga buah novel yang dijadikan teks kajian ini.

Dalam konteks unsur alam sebagai perlambangan, terkandung sebagai tanda yang menyatakan atau mengenalkan sesuatu simbol atau isyarat. Perlambangan pula ialah perihal menggunakan sesuatu sebagai lambang. Sementara istilah lambang dijelaskan sebagai perkataan atau frasa yang digunakan untuk maksud lain daripada yang tersurat. Maksud yang tersirat dalam sesuatu konteks itu adalah khusus, iaitu tidak ambiguiti



05 (Rahman Shaari, 2001). Manakala Majdi Wahbah & Kamil Al-Muhandis menyatakan bahawa lambang atau simbol merangkumi semua jenis perbandingan, kiasan dan metafora (Abdurrahim Yapon, 2006).

Menurut Othman Puteh dan Aripin Said (2008) alam sebagai perlambangan kepada kehidupan sosiobudaya masyarakat. Dalam karya kesusasteraan secara umumnya alam sering dikaitkan dengan perlambangan. Lambang adalah pewujudan konsep dan konsep adalah hasil daripada persepsi. Persepsi, yakni kesedaran kita melalui pancaindera akan alam sekeliling, boleh wujud tanpa bahasa. Bayi yang baru lahir sudah dengan caranya sendiri mempersepsikan alam sekelilingnya, dan apa yang wujud di sekeliling kita boleh dipersepsikan.





Dalam kajian yang dijalankan oleh Azmi Ahmad (2010) berkaitan dengan penggunaan perlambangan alam oleh Imam Syafii, beliau sering menggunakan unsur-unsur alam sebagai perlambangan atau metafora yang dapat menaikkan seri puisinya. Alam adalah salah satu unsur penting dalam proses kreatif Imam Syafii untuk mengeramkan ilhamnya. Hal ini kerana alam yang terbentang dan berkembang dapat dijadikan guru untuk diteladani. Daripada renungan terhadap alam, Imam Syafii menemui makna kewujudan dan mengenal hakikat kehidupan. Misalnya air yang mengalir, dan matahari yang terbit dan terbenam mengingatkan kepada kepentingan berhijrah dan berubah untuk mengecapi kehidupan yang lebih baik. Laut yang bergelombang mengingatkan kepada cabaran yang mesti diharungi dalam mengemudi bahtera kehidupan. Burung yang terbang tinggi, lalu pulang ke sarang mengingatkan kepada kepentingan kembali ke pangkal jalan setelah terpisah jauh daripada Tuhan. Maka lahirlah puisi sebagai reaksi atau tafsiran kreatif Imam Syafii terhadap potret alam yang ditatapnya. Antologi puisi Imam Syafii sungguh pun dirakam menggunakan bahasa yang sederhana, tetapi daya renungan yang tajam dan penggunaan unsur-unsur alam sebagai perlambangan memberi kekuatan kepada puisinya. Sekali gus meninggalkan pesan dan kesan yang sangat mendalam kepada khalayak pembaca.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa penggunaan unsur alam dalam bidang penulisan dan juga kesusasteraan dapat membawakan pelbagai pengertian. Kreativiti pengarang dalam menginterpretasikan unsur alam dalam tiga buah karya tersebut berisi pengajaran dan menjadi sumber yang mampu memberi manfaat kepada khalayak pembaca dan umat manusia amnya selaras dengan ajaran Islam. Alam





merupakan sebahagian daripada kehidupan yang di dalamnya terdapat banyak benda dan unsur yang dapat dijadikan kata sebagai lambang dalam puisi. Menurut Maniyamin Ibrahim (2009), Tuhan mencipta alam untuk membantu manusia melangsungkan kehidupannya. Alam dengan seribu unsur, estetika dan fenomena akan memberi pengertian tersendiri kepada manusia yang berfikir. Manusia dapat mengambil hikmah daripada kejadian-kejadian alam. Malah, manusia dapat mengenal sifat dirinya dan sifat Allah SWT dengan cara meneroka rahsia alam.

Alam sangat penting dalam penghasilan karya kesusasteraan. Seseorang sasterawan dikesani sering berinterpretasi dengan alam. Interpretasi bermakna seseorang sasterawan mentafsir setiap unsur alam sebagai membawa maksud yang lebih besar dan bermakna kepada khalayak pembaca. Penyelidikan ini melihat bagaimana unsur alam fizikal telah diadun sebagai simbolik dan perlambangan yang bertindak sebagai tentera Allah SWT. Naratif unsur alam yang digunakan Shanon Ahmad dalam tiga buah karyanya iaitu *Patriarch*, *SHIT* dan *Pararuhi* telah diaplikasikan sebagai; (a) gambaran suasana kematian watak. (b) pengazab seksa yang membawa kepada kematian watak. (c) mengiringi watak keluar dari alam syahadah.

Dalam penyelidikan ini unsur alam dirujuk selaras dengan ajaran Islam. Unsur alam banyak disebut didalam Al-Quran. Kreativiti pengarang dalam menginterpretasikan unsur alam dalam tiga buah karya tersebut berisi pengajaran dan menjadi sumber yang mampu memberi manfaat kepada khalayak pembaca dan umat manusia amnya selaras dengan ajaran Islam. Pada keseluruhannya penggunaan unsur alam dalam tiga buah karya





yang menjadi teks kajian, memperlihatkan pemikiran Shahnnon Ahmad bahawa alam fizikal adalah lapisan zahir yang menyediakan petunjuk kepada kewujudan dan keagungan Allah, Yang Maha Pencipta Alam.

#### 1.9.4 Alam Syahadah

Terdapat dua istilah alam yang disebut dalam Al-Quran iaitu alam syahadah (nyata) dan alam ghaib. Hal ini disebutkan dalam surah At-Taubah ayat 94 yang bermaksud: "... kemudian kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata (untuk menerima balasan), lalu ia menyatakan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan." Juga dalam suarah Al-An'am ayat 73 yang bermaksud: "... Ia Yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, dan Dia lah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya."

Syahadah itu ertinya penyaksian. Alam syahadah ertinya yang dapat disaksikan oleh panca indera zahir, yakni alam yang dapat disaksikan oleh mata, telinga, hidung, lidah, dan tangan. Manakala alam yang dibalik alam syahadah (yang tidak boleh dicapai oleh panca indera zahir) disebut alam ghaib.

#### 1.9.5 Azab

Dari sudut istilah, kata "azab" bererti balasan, seksa, teguran bagi umat yang melanggar larangan agama (Al-Munjid, 2002). Muhammad Husin Tabataba'i (2013) mentafsirkan





kata “azab” ialah seksaan yang menimpa manusia sebagai akibat daripada kesalahan yang pernah atau sedang dilakukan atas larangan Tuhan. Quraish Shihab (2004) berpandangan bahawa azab adalah suatu kemurkaan Allah akibat pelanggaran yang dilakukan oleh manusia iaitu pelanggaran sunnatullah di alam semesta dan pelanggaran syariat Allah yang diturunkan kepada para Nabi dan Rasul-Nya. Merujuk pengertian yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan bahawa azab adalah suatu peringatan akan kemurkaan Allah kepada makhluknya (manusia) yang telah melanggar perintah-Nya iaitu perbuatan yang dilarang sama ada berupa ibadah, amal, iman dan sebagainya. Dibalas dengan teguran berupa bencana alam atau malapetaka.



Dalam konteks unsur alam, sering kali yang datang bentuk melampau dikatakan bencana. Bencana atau malapetaka telah ditentukan oleh Allah akan bila berlakunya. Apakah bencana itu suatu ujian, rahmat atau azab. Menurut Indah Irmawati (2010), terdapat dua pandangan mengenai bencana alam atau malapetaka yang menimpa manusia iaitu: (a) bagi manusia beriman, ujian bencana ditanggap sebagai rahmat. (b) bagi manusia yang tidak sabar dan ingkar perintah Allah, ditanggap sebagai seksaan.

Dalam tradisi Islam, kisah kengerian difirmankan oleh Allah dalam Al-Quran. Juga terungkap dalam hadis-hadis Rasulullah SAW dan kisah-kisah umat terdahulu. Umpamanya kisah kengerian dan azab Allah SWT terhadap manusia terdapat dalam peristiwa Israq dan Mikraj yang banyak mengandungi pengajaran kepada umat Islam. Misalnya, manusia yang tidak solat semasa hayatnya digambarkan mengalami seksaan, termasuk menghantuk-hantuk kepalanya di batu hingga pecah secara berulang-ulang dan





pelbagai kisah lain. Bagaimana penderitaan orang kafir dan fasik diazab ketika sakaratulmaut? Dari perspektif Islam, azab seksa bergantung sejauh mana ketakwaan seseorang umat manusia. Antara individu berbeza tahap balasan azab. Bergantung kepada amalan semasa hidup di dunia ini. Azab orang mukmin, munafik dan kafir telah dijelaskan dalam Al-Quran. Begitu juga dengan azab seksa para pemimpin yang zalim.

Menurut Talib Samat (2003) pembalasan terhadap setiap amalan manusia Islam dan bukan Islam di alam roh, khususnya di alam kubur, digambarkan oleh Shahnnon Ahmad dengan menggunakan teknik menakut-nakutkan pembaca tentang kengerian penyeksaan di alam kubur. Kisah tentang kengerian hukuman Allah SWT terhadap manusia yang ingkar menerima ajaran Islam dan mengamalkannya sentiasa digunakan oleh golongan pendakwah. Kisah kengerian tentang seksaan baik di alam kubur mahupun di Padang Mahsyar sentiasa menarik minat golongan pendakwah menggunakannya. Hal ini kerana pengkisahan tersebut sangat berkesan untuk menimbulkan ketakutan dan kengerian kepada pembaca. Seterusnya, mencetuskan kesedaran kepada pembaca kembali menghayati ajaran Islam dan mengamalkannya dengan bersungguh-sungguh. Dalam penyelidikan ini, dihuraikan azab seksa para pemimpin yang menganiaya dan menzalimi rakyat, azab seksa manusia munafik dan kafir.





### 1.9.6 Simbolik Islam

Simbolik Islam dalam penyelidikan ini adalah merujuk kepada estetika seni Islam yang tertonggak kepada menjelaskan kebenaran melalui bahasa simbolik atau teks simbolisme. Menurut Mana Sikana (2014) kebenaran itu boleh disampaikan dengan bahasa prosa (nasr) atau simbol (ramzi). Teks simbolisme banyak dihasilkan dalam tradisi penulisan Islam, terutama yang bergenre sufisme dan filosofikal dengan merujuk ayat Al-Quran. Kekayaan Al-Quran daripada segi simbolik seperti *istiarah* dan *majaz* menjadi aspirasi kepada pengarang-pengarang Islam.



05 Dalam penyelidikan ini unsur alam sebagai simbolisme yang perlu diberi makna baru untuk difahami oleh khalayak. Renungan terhadap unsur alam, akan menemukan makna kewujudan dan mengenal hakikat kehidupan manusia di dunia ini. Alam adalah satu unsur penting dalam proses kreatif para pengarang karya kreatif, baik penulis Islam mahupun penulis Barat. Alam merupakan sebahagian daripada kehidupan yang dalamnya terdapat banyak benda dan unsur yang dapat dijadikan kata sebagai lambang dalam puisi. Menurut Maniyamin Ibrahim (2009), Tuhan mencipta alam untuk membantu manusia melangsungkan hidupnya. Alam dengan seribu unsur, estetika dan fenomena memberi pengertian tersendiri kepada manusia yang berfikir. Manusia dapat mengambil hikmah daripada kejadian-kejadian alam. Malah, manusia dapat mengenali sifat dirinya dan sifat Allah dengan cara meneroka rahsia alam.





Simbol ialah tanda atau isyarat yang menyatakan atau mengenalkan sesuatu. Perlambangan pula ialah perihal menggunakan sesuatu sebagai lambang. Lambang merupakan perkataan atau frasa yang digunakan untuk maksud lain daripada yang tersurat. Maksud yang tersirat dalam sesuatu konteks itu khusus, iaitu tidak ambiguiti (Rahman Shaari, 2001). Simbol merangkumi semua jenis perbandingan, kiasan dan metafora. Asas teori simbolik islam pula adalah berkeyakinan bahawa segala sesuatu berakhir kepada Allah. Keyakinan kepada segala sesuatu yang berakhir kepada Allah adalah merujuk kepada keimanan seseorang yakni beriman dengan Allah. Maka dalam penyelidikan ini, simbolisme Islam adalah teks yang merangkumi sesuatu unsur alam dimaknai daripada perspektif Islam dengan bersumber Al-Quran, al-hadis, dan sirah.



### 1.9.7 Budaya

Istilah budaya dalam bahasa Inggeris ialah *culture* yang berasal daripada perkataan bahasa Latin yang berbunyi *colere*, yang bermaksud kehidupan manusia yang sentiasa memelihara dan mengerjakan pelbagai tindakan yang boleh menghasilkan tindakan budaya (Suwardi Endraswara, 2008). Dennick-Brecht (2008), budaya mencakupi cara pemikiran yang merangkumi kepercayaan, sistem nilai, ilmu pengetahuan, moral, bahasa, seni, undang-undang serta pola tingkah laku yang seterusnya merujuk kepada adat, kebiasaan dan fesyen. Geertz (1973) pula, menjelaskan budaya bersifat interpretatif dan merupakan jaringan makna yang menjadi panduan kepada masyarakat untuk menghadapi permasalahan hidup. Tambah beliau lagi, satu ciri penting budaya ialah, ianya sering





berubah dan ianya lebih daripada koleksi random tentang tingkah laku, kepercayaan dan nilai-nilai yang mana, kesemuanya mempunyai kecenderungan untuk disesuaikan, digabungkan dan diubah. Merujuk pandangan di atas, tingkah laku antara manusia yang hidup dahulu dan sekarang dengan kesedaran baru akan membawa perubahan dalam budaya yang diwarisi. Oleh yang demikian, aliran tingkah laku ataupun tindakan sosial merupakan bentuk budaya dizahirkan. Hal ini menunjukkan terminologi budaya mempunyai pelbagai pengertian dan tafsiran berbeza. Pengertian yang berbeza ini dapat difahami melalui pemahaman tingkah laku budaya masyarakat setempat khususnya di mana karya dilahirkan dengan merujuk bidang kesusasteraan.



05-4506832 *05. culture 'is'. Rather, we need to enquire about how the language of culture is used and for*

*what purpose.* Menjelaskan bahawa usaha memahami pendefinisian istilah budaya membawa kepada pelbagai tafsiran bergantung kepada cara pemikiran seseorang. Kebiasaannya seseorang itu akan memahami dan mendalami kajian terhadap budaya melalui bidang sosiologi, antropologi, kesusasteraan dan sebagainya. Berdasarkan kepada pengertian ciri-ciri budaya di atas dapat dirumuskan bahawa (a) budaya sebagai satu kesatuan yang kompleks. (b) budaya ialah cara hidup masyarakat tertentu yang merangkumi cara pemikiran dan pola tingkah laku. (c) budaya ialah sesuatu yang dipelajari dan dikongsi secara bersama. (d) budaya ialah maklumat yang diwarisi. (e) bahasa merupakan simbol penting dalam budaya.





Dalam konteks budaya dan kritikan sastera, definisi kritikan sastera itu sendiri merupakan suatu wacana budaya (Abdullah Hasan, 2015). Diperincikan lagi bahawa kritikan sastera itu mengolah pandangan, pendapat, pandangan atau gagasan yang timbul daripada usaha-usaha menilai, mempertimbang dan menganalisis suatu penghasilan budaya berupa karya sastera. Dengan memahami nilai dan budaya setempat di mana teks sastera itu dilahirkan, membolehkan seseorang penganalisis karya sastera benar-benar sesuai dan layak dengan peranan dan tugasnya. Memahami dan menguasai budaya tempat karya menjadi rujukan merupakan asas yang kukuh untuk menganalisis dan mengkaji mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang.

### 1.10 Organisasi Tesis



Dalam kajian ini pengkaji membahagikannya kepada lima bab. Bab satu, merangkumi pengenalan yang membicarakan tentang pendahuluan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kerangka teori, batasan kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi tesis yang bakal dilaksanakan dan kesimpulan.

Bab dua adalah sorotan literatur yang merangkumi tinjauan kajian lepas berkaitan kematian, dan tinjauan kajian lepas karya-karya Shahnnon Ahmad. Bab tiga menjelaskan tentang metodologi kajian yang dibahagikan kepada dua iaitu kaedah kajian dan keterangan teori berkaitan dengan penyelidikan ini. Kaedah kajian terdiri daripada reka





bentuk kajian, prosedur pengumpulan data, data dan sumber data, dan akhir sekali adalah analisis data. Bahagian keterangan teori berkaitan dengan teori budaya, teori semiotik, dan teori Al-Nur oleh Muhammad Kamal Abdullah bersumberkan Al-Ghazali.

Bab empat terangkum dengan penjelasan konsep berkaitan dengan hakikat kematian. Dalam bab ini penjelasan lanjutan berkaitan hakikat kajadian manusia, justifikasi kematian, hakikat kematian, kematian dari perspektif Islam, sakaratulmaut, tanda umum kematian, dan roh.

Bab lima terdiri daripada analisis dan perbincangan kajian. Secara khususnya bab lima merangkumi analisis dan perbincangan persoalan kasus kematian watak pemimpin dalam karya-karya Shahnnon Ahmad, analisis dan perbincangan persoalan unsur alam yang mengazab dan mengiringi kematian watak pemimpin dalam karya-karya Shahnnon Ahmad, analisis dan perbincangan persoalan kematian watak pemimpin, dan hubungannya dengan alam di luar syahadah dalam karya-karya Shahnnon Ahmad. Akhir sekali, bab enam iaitu penutup yang mengandungi rumusan dapatan kajian yang menjawab segala permasalahan yang telah dikemukakan, implikasi kajian dan saranan kajian akan datang.

.





### 1.11 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan latar belakang persoalan kematian dalam karya-karya kesusasteraan, khususnya karya Shahnnon Ahmad. Terdapat tiga buah teks karya Shahnnon Ahmad iaitu *Patriarch*, *SHIT* dan *Pararuhi*, yang didapati amat dominan dengan persoalan kematian. Sehubungan dengan itu, tiga buah teks tersebut dijadikan teks kajian dalam penyelidikan ini. Tumpuan penyelidikan adalah berkaitan kasus kematian manusia yang diberi kuasa, unsur alam yang mengazab dan mengiringi kematian, dan proses kreatif alam di luar syahadah.

